



## **SOALAN-SOALAN LAZIM /FAQ PERTANDINGAN INOVASI i-MARATECH2021**

### **1. Soalan: Apakah i-MARATECH 2021?**

**Jawapan:** i-MARATECH2021 merupakan platform untuk staff MARA, pelajar IPMA dan komuniti usahawan MARA bagi mencungkil idea inovasi di kalangan warga MARA.

### **2. Soalan: Bahagian manakah yang menganjurkan i-MARATECH 2021?**

**Jawapan:** Program ini adalah anjuran Bahagian Inovasi & Teknologi Kreatif (BITK) MARA.

### **3. Soalan : Bilakah pendaftaran i-MARATECH 2021 bermula dan ditutup?**

**Jawapan:** Pendaftaran secara *online* dibuka pada 31 Mac 2021 dan ditutup pada 30 April 2020.

### **4. Soalan : Adakah dikenakan bayaran semasa proses pendaftaran *online*?**

**Jawapan:** Tiada bayaran yang dikenakan.

### **5. Soalan: Apakah kategori penyertaan dalam i-MARATECH 2021?**

**Jawapan:** Pertandingan ini melibatkan 2 (dua) Kategori Pertandingan iaitu;  
(a)Kategori Inovasi Produk  
(b)Kategori Inovasi Sistem

### **6. Soalan: Apakah Kategori Produk dalam i-MARATECH 2021?**

**Jawapan:** Penghasilan/penciptaan inovasi sesuatu produk bersifat fizikal yang mampu memenuhi keperluan organisasi /komuniti dengan lebih berkesan dalam pelbagai aspek untuk penyelesaian masalah.

**(i) Contoh Kategori Inovasi Produk seperti penghasilan / penciptaan produk inovasi:**

- (a) Pengurusan Pentadbiran dalam Pejabat/IPMA
- (b) Pengurusan Pentadbiran dalam Pejabat/IPMA
- (c) Pengurusan Perniagaan
- (d) Pengurusan Akaun Perniagaan
- (e) Stok & Inventori Perniagaan
- (f) Kewangan
- (g) Aset Pengurusan
- (h) Perhubungan
- (i) Pelanggan Pengurusan Sumber Manusia
- (j) Projek Pembangunan
- (k) Pembangunan Teknologi Maklumat
- (l) Bahan Bantu Mengajar / Alat Bantu Mengajar
- (m) Pembelajaran Pendidikan IPMA

**(ii) Contoh Projek Inovasi yang telah dipertandingkan;**

NAMA PROJEK INOVASI	PENERANGAN RINGKAS PROJEK INOVASI
MEMBA	Mesin mengupas bawang ini menggunakan kuasa air, angin dan kinetik yang dapat mengupas 5 kilogram bawang dalam tempoh 2 minit.
SEWERAGE CLEANING STICK SET	Alat memecah sumbatan terutama pada sinki dan paip buangan berliku yang berpuncanya daripada lemak, minyak dan bahan buangan. Ia berfungsi bersama mesin gerudi tangan mudah alih yang mudah lentur, mempunyai kekerasan yang tinggi, ringan dan kepanjangan yang boleh laras. Alat ini mempunyai 5 set penjolok yang disambung dengan <i>steel connector</i> dan <i>safety lock pin</i> .

<b>NAMA PROJEK INOVASI</b>	<b>PENERANGAN RINGKAS PROJEK INOVASI</b>
<b>PLC EDU KIT</b>	Digunakan sebagai alat bantu mengajar bagi kursus PLC dan elektronik dalam pendidikan TVET yang memaparkan simulasi lampu isyarat sebenar di jalanraya
<b>WAH SERONOKNYA SILANGKATA SEJARAH</b>	Merupakan bahan bantu belajar subjek sejarah dalam bentuk buku silang kata. Pelajar hanya perlu menjawab soalan dalam ruangan jawapan silang kata yang disediakan.
<b>STEREOPHONIC EDUCATIONAL KIT</b>	Merupakan alat bantu mengajar subjek Fizik bagi mengendalikan eksperimen gelombang bunyi.

## **7. Soalan: Apakah Kategori Inovasi Sistem dalam i-MARATeCH 2021?**

**Jawapan:** Penghasilan / penciptaan inovasi sesuatu Sistem Teknologi Maklumat, Perisian dan Aplikasi, sebagai penambahbaikan kepada sistem, prosedur, kaedah, cara bekerja, dan pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek untuk penyelesaian masalah.

### **(i) Contoh Kategori Inovasi Sistem adalah seperti berikut:**

- (a) Pengurusan Pentadbiran dalam Pejabat / IPMA
- (b) Kewangan
- (c) Pengurusan
- (d) Komunikasi
- (e) Pelanggan Pengurusan Sumber Manusia
- (f) Projek Pembangunan
- (g) Pembangunan Teknologi Maklumat
- (h) Bantu Mengajar
- (i) Pembelajaran Bahan Bantu Mengajar

(ii) Contoh Projek Inovasi yang telah dipertandingkan:

NAMA PROJEK INOVASI	PENERANGAN RINGKAS PROJEK INOVASI
ETOUCH FLEX 38.5	Sistem atas talian ini dapat merakam waktu bekerja staf MARA.
MARAeps (GERBANG BAYARAN ELEKTRONIK MARA)	MARAeps merupakan gerbang bayaran elektronik yang membolehkan bayaran dibuat dan diterima secara <i>real time</i> melalui komputer atau telefon bimbit. Pelanggan boleh membuat bayaran <i>one-off</i> melalui <i>Financial Process Exchange</i> (FPX) dan <i>Direct Debit</i> (DD).
ONLINE SALES LEAD MANAGEMENT SYSTEM (OSEM)	Sistem ini dapat membantu kumpulan baharu Perunding Unit Amanah (PUA) mendapat prospek atau petunjuk jualan (lead) menggunakan telefon pintar. Ia dapat membantu dalam memberi perkhidmatan nasihat pelaburan.
EDUMATE	Merupakan sebuah sistem operasi telefon pintar yang dihasilkan khas untuk pembelajaran EDUMATE yang terdiri daripada 3 komponen utama iaitu sebuah gedung aplikasi, sebuah pelayar web dan bot telegram untuk memudahkan sesi pembelajaran yang interaktif.
ECCBOT	Merupakan aplikasi pembelajaran sosial yang menggunakan platform <i>Discord</i> yang berfungsi sebagai bahan rujukan dan bahan pembelajaran untuk mendapatkan maklumat tentang topik yang dikehendaki. ECCBOT mempunyai <i>Artificial Intelligence</i> yang dibangunkan dengan kandungan tersusun.
ELTeC	Merupakan satu sistem aplikasi bahan bantu belajar interaktif yang menggabungkan kemahiran teknologi dan sains komputer dalam bilik darjah menggunakan teknologi Augmentasi Realiti. Pelajar boleh membuat eksperimen dengan lebih efisyen dalam tempoh yang singkat.

## **8. Soalan: Siapakah peserta yang boleh menyertai i-MARATeCH 2021**

### i. Peserta Kategori Inovasi Produk

KATEGORI INOVASI PRODUK	PESERTA
1. Staf MARA	(a) Kakitangan Ibu Pejabat MARA/ PMN / IPMA  (b) Kakitangan Subsidiari MARA
2. Pelajar IPMA	(a) Pelajar IPMA Sahaja.
3. Usahawan MARA	(a) Usahawan MARA yang telah mendapat kemudahan pembiayaan MARA dan tidak disenarai hitam dalam Sistem MARA.

### ii. Peserta Kategori Inovasi Sistem

KATEGORI INOVASI SISTEM	PESERTA KATEGORI INOVASI SISTEM
1. Staf MARA	(a) Kakitangan Ibu Pejabat MARA/ PMN / IPMA  (b) Kakitangan Subsidiari MARA
2. Pelajar IPMA	(a) Pelajar IPMA sahaja.

## **9. Soalan: Apakah syarat-syarat penyertaan i-MARATeCH 2021?**

**Jawapan:** Syarat-syarat adalah seperti berikut:

- (a) Inovasi hendaklah dihasilkan staf MARA, pelajar IPMA dan usahawan MARA sahaja.
- (b) Inovasi yang dihasilkan mesti berteraskan STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*).
- (c) Inovasi yang dihasilkan boleh menyelesaikan masalah sedia ada dalam komuniti tersebut.
- (d) Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi serta berpotensi memberi faedah kepada komuniti MARA dan masyarakat.
- (e) Jumlah penyertaan dari setiap peserta adalah satu (1) projek inovasi sahaja iaitu Kategori Inovasi Produk atau Kategori Inovasi Sistem.

**10. Soalan: Adakah semua projek inovasi boleh dipertandingkan?**

**Jawapan:** Semua projek inovasi layak dipertandingkan **KECUALI** seperti berikut;

- (a) Projek inovasi yang telah dibuat oleh inventor terdahulu dalam mana-mana pertandingan dan ditiru hasil projek inovasi tersebut untuk dipertandingkan dalam i-MARATeCH 2021.
- (b) Inovasi yang berusia melebihi dua (2) tahun dari tarikh diperkenalkan. Sebagai contoh, inovasi telah memasuki pertandingan MARATex pada tahun 2019 dan memasuki semula pertandingan untuk i-MARATeCH 2021.

**11. Soalan: Bagaimana cara mendaftar penyertaan *online* i-MARATeCH 2021?**

**Jawapan:** Pendaftaran *online* boleh dibuat melalui pautan <https://apps.mara.gov.my/dpim/inovasi/>.

**12. Soalan: Apakah yang perlu dilakukan semasa mendaftar penyertaan *online* i-MARATeCH 2021?**

**Jawapan:** Perkara yang perlu dilakukan semasa pendaftaran seperti berikut;

BIL	PERKARA	KANDUNGAN
1.	Borang Penyertaan	Diisi lengkap dalam Sistem Penyertaan <i>online</i>
2.	Laporan Projek Inovasi	Maklumat ringkas berkaitan projek Inovasi a) Format penulisan Sinopsis Projek Inovasi dalam Microsoft Words adalah seperti berikut : b) Jenis font – Arial c) Saiz Font -12 d) 1.5 Line Spacing e) Tidak melebihi 500 patah perkataan f) Gambar projek
3.	Video	a) Rakaman video berkaitan dengan Projek Inovasi Sahaja. b) Video yang dihasilkan hendaklah menumpukan kepada projek inovasi sahaja, bagaimana inovasi dapat memberi impak dan kos projek. c) Sekiranya mengambil hasil dari video sumber yang lain, hendaklah menyatakan sumber rujukan video tersebut. d) Durasi maksimum 5 minit sahaja & tidak melebihi 200MB.

### **13. Soalan: Bagaimana caranya untuk membuat Laporan Projek Inovasi?**

**Jawapan:** Berikut adalah panduan untuk membuat Laporan Projek Inovasi;

- i. Laporan Projek Inovasi hendaklah dihasilkan dalam Bahasa Melayu dan mengandungi perkara seperti berikut:
  - (a) Maklumat ringkas mengenai Bahagian / Pusat MARA / Syarikat Usahawan MARA yang memperkenalkan inovasi.
  - (b) Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, tujuan produk/sistem inovasi diwujudkan.
  - (c) Penerangan berkaitan produk / sistem inovasi dilaksanakan.
  - (d) Masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan.
  - (e) Faedah-faedah setelah pelaksanaan produk / sistem yang dilaksanakan.
  - (f) Gambar - gambar inovasi berserta dengan tajuk. Maksima 10 keping.
- ii. Format penulisan penerangan Projek Inovasi dalam *Microsoft Words* adalah seperti berikut :
  - (a) Maklumat ringkas / sinopsis berkaitan projek inovasi tidak melebihi 500 patah perkataan.
  - (b) Format penulisan dalam *Microsoft Words* adalah seperti berikut :
    - Jenis *font* – Arial
    - Saiz *Font* -12
    - 1.5 *Line Spacing*
    - Tidak melebihi 500 patah perkataan
    - Gambar projek

### **14. Soalan: Bagaimana caranya untuk membuat Video Projek Inovasi?**

**Jawapan:** Setiap video yang dihasilkan mestilah berfokus kepada projek inovasi yang dihasilkan, bagaimana ia berfungsi dan penjimatan kos yang dapat dihasilkan. Setiap video yang dihasilkan hendaklah menggunakan idea asal sendiri. Sekiranya mengambil video dari sumber yang lain, hendaklah dinyatakan dengan jelas sumber yang diperolehi.

**15. Soalan: Bolehkah produk Inovasi yang sama masuk kategori yang berbeza?**

**Jawapan:** Tidak boleh. Produk inovasi yang sama TIDAK DIBENARKAN untuk menyertai kategori yang lain. Hanya 1 produk inovasi untuk 1 kategori sahaja.

**16. Soalan: Berapakah jumlah ahli dalam satu Kumpulan Projek Inovasi?**

**Jawapan:** Penerangan adalah seperti berikut;

- (a) 1 Kumpulan Projek Inovasi = 1 Ketua Kumpulan (+) 2 Ahli (maksima)
- (b) 1 Kumpulan Projek Inovasi = 1 Ketua Kumpulan (+) Tiada Ahli
- (c) 1 Kumpulan Projek Inovasi = 1 orang Penasihat Projek (Pensyarah/ Guru) (+) 1 Ketua Kumpulan Projek Pelajar (+) 2 Ahli Pelajar (maksima).

**i. Contoh: Bagi Staf MARA**

- (a) 1 Kumpulan Projek Inovasi = 1 Orang Ketua Kumpulan Staf MARA (+) 2 Orang Ahli Staf MARA (maksima)
- (b) 1 Kumpulan Projek Inovasi = 1 Orang Ketua Kumpulan Staf dan tiada ahli

**ii. Contoh: Bagi Pelajar IPMA**

- (a) 1 Kumpulan Projek Inovasi = 1 orang Penasihat Projek (Pensyarah / Guru) (+) 1 Ketua Kumpulan Projek Pelajar (+) 2 Ahli Pelajar (maksima).

**iii. Contoh: Bagi Usahawan MARA**

- (a) 1 Kumpulan Projek Inovasi = 1 Orang Ketua Kumpulan Usahawan MARA (+) 2 Orang Ahli Usahawan MARA yang sama syarikat (maksima).
- (b) 1 Kumpulan Projek Inovasi = 1 Orang Ketua Kumpulan Usahawan MARA dan tiada ahli.

**17. Soalan: Untuk pendaftaran kategori pelajar, siapakah Ketua Kumpulan Pelajar?**

**Jawapan :**Ketua Kumpulan Pelajar adalah Pelajar IPMA tersebut. Guru Penasihat Projek merupakan penasihat projek dan bukan Ketua Kumpulan Pelajar.

**18. Soalan: Perlukah Pengawai Mengawal Pusat (PMP) / Ketua Syarikat Perniagaan membuat pengesahan penyertaan i-MARATECH 2021?**

**Jawapan:** Tidak perlu. Sistem i-MARATech 2021 akan memberi email dan notis pemakluman secara automatik kepada (PMP) / Ketua Syarikat Perniagaan. Alamat email (PMP) / Ketua Syarikat Perniagaan akan diisi oleh peserta semasa permohonan *online*.

**19. Soalan: Bolehkah saya simpan penyertaan ini buat beberapa ketika sebelum menghantar (submit) semasa mengisi *online*?**

**Jawapan:** Ya boleh. Sebarang pindaan boleh dibuat dari semasa ke semasa sehingga tarikh akhir *online* ditutup.

**20. Soalan: Adakah semua kos bahan penyediaan ditanggung oleh peserta.**

**Jawapan:** Semua urusan penyertaan, kos dan bahan semasa penyediaan projek inovasi adalah tanggungan peserta dan PMP / syarikat perniagaan usahawan MARA masing-masing.

**21. Soalan; Bagaimana urusan pembentangan *online* (*pitching*) peserta terpilih dijalankan?**

**Jawapan:** Peserta terpilih akan dimaklumkan oleh urusetia untuk log in pautan zoom/google meet seminggu sebelum dari tarikh pembentangan *online*. Jadual tarikh dan masa akan dimaklumkan oleh Urusetia kepada peserta. Urusan tempat dan peralatan teknikal IT adalah diuruskan oleh peserta sendiri semasa pembentangan *online* dijalankan. Pastikan capaian internet pada tahap optimum untuk melancarkan proses *online pitching*.

**22. Soalan: Siapakah panel semasa (*pitching*)?**

**Jawapan:** Panel terdiri dari wakil dari Bahagian Ibu Pejabat yang terpilih mengikut sektor, wakil dari PMN dan Juri Profesional Luar yang dilantik oleh Urusetia pertandingan.

**23. Soalan: Apakah hadiah yang ditawarkan?**

**Jawapan:** Pemenang terbaik bagi setiap kategori akan menerima seperti berikut;

BIL	KATEGORI	KEDUDUKAN	IMBUHAN	HADIAH
1.	<b>Anugerah Inovasi MARA (AIM)</b>	Anugerah Utama Inovasi	RM6,000.00	Piala AIM, Sijil & Geran Inovasi MARA DPIM
2.	<b>Kategori Inovasi Produk</b>  Staf MARA (i-PSM)	Pertama  Kedua  Ketiga	RM5,000.00  RM3,000.00  RM2,000.00	Piala, Sijil & Geran Inovasi  MARA DPIM
	<b>Pelajar MARA (i-PPM)</b>	Pertama  Kedua  Ketiga	RM5,000.00  RM3,000.00  RM2,000.00	Piala, Sijil & Geran Inovasi  MARA DPIM
	<b>Usahawan (i-PUM)</b>	Pertama  Kedua  Ketiga	RM5,000.00  RM3,000.00  RM2,000.00	Piala AIM, Sijil & Geran Inovasi  MARA DPIM
3.	<b>Kategori Inovasi Sistem</b>  Staf MARA (i-SSM)	Pertama  Kedua  Ketiga	RM5,000.00  RM3,000.00  RM2,000.00	Piala AIM, Sijil & Geran Inovasi  MARA DPIM
	<b>Pelajar MARA (i-SPM)</b>	Pertama  Kedua  Ketiga	RM5,000.00  RM3,000.00  RM2,000.00	Piala AIM, Sijil & Geran Inovasi  MARA DPIM

\*Dana Penyelidikan & Inovasi MARA (DPIM)

**24. Soalan: Bagaimanakah agihan dibuat pada imbuhan dan hadiah yang dimenangi oleh pemenang?**

**Jawapan:** Pembahagian hadiah wang tunai antara pusat dan pemenang adalah seperti berikut

- (a) Pusat – 20% daripada nilai hadiah wang tunai yang dimenangi
- (b) Pemenang – 80% daripada nilai hadiah wang tunai yang dimenangi.
- (c) Syarikat Usahawan MARA terpulang kepada keputusan syarikat.

**25. Soalan: Siapakah yang boleh dihubungi jika saya masih mempunyai soalan lain yang tidak tersenarai di sini?**

**Jawapan:** Sila hubungi Urusetia Pertandingan i-MARATech 2021, Bahagian Inovasi & Teknologi Kreatif, Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA, No.21 Jalan MARA, 50609, Kuala Lumpur. Pegawai yang boleh dihubungi adalah Encik Muhamad Rahmat Bin Abdul Rasol ([mrahmat@mara.gov.my](mailto:mrahmat@mara.gov.my)) & Encik Hasnan Bin Harun ([hasnan@mara.gov.my](mailto:hasnan@mara.gov.my)) atau di talian 03-261 32435 / 019-288 1935.

**-TAMAT-**